

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Urece
2. Bagaimana Urece berfungsi
3. Sebelum menggunakan Urece
4. Cara menggunakan Urece
5. Semasa menggunakan Urece
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Urece
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

## Apakah kegunaan Urece

Urece digunakan untuk menurunkan tahap asid urik serum yang tinggi dan merawat gout, iaitu sejenis radang sendi yang disebabkan oleh asid urik yang berlebihan dalam darah.

## Bagaimana Urece berfungsi

Urece berfungsi dengan menasarkan pengangkut khusus yang dipanggil URAT1 dalam buah pinggang. URAT1 bertanggungjawab untuk menyerap semula asid urik ke dalam aliran darah, menghalang pembuangannya melalui air kencing. Dengan menghalang URAT1, buah pinggang tidak dapat menyerap semula asid urik dan ini membolehkan lebih banyak asid urik dikeluarkan daripada badan melalui air kencing. Ini membantu mengurangkan jumlah asid urik dalam darah.

## Sebelum menggunakan Urece

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan kepada dotinurad atau bahan dalam ubat ini.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda hamil atau menyusui, fikir anda mungkin hamil atau merancang untuk melahirkan bayi, minta nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini. Terdapat laporan dalam kajian haiwan bahawa Urece disalurkan ke dalam susu ibu.

### - Sebelum menggunakan Urece

Dapatkan nasihat doctor sebelum menggunakan Urece:

- Jika anda mempunyai batu karang. URECE mungkin memburukkan gejala dengan meningkatkan jumlah asid urik dalam air kencing anda melalui mekanisme tindakannya.
- Jika anda mempunyai ginjal yang tidak berfungsi dengan baik,

keberkesanan URECE mungkin berkurangan.

- Jika anda mempunyai penyakit hati, anda mungkin memerlukan pemantauan rapi. Gangguan hati yang serius telah diperhatikan dengan ubat-ubatan lain yang meningkatkan penyingkiran asid urik oleh buah pinggang.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil atau mungkin mengambil sebarang ubat lain. Minta nasihat doktor anda sebelum mengambil mana-mana ubat berikut bersama-sama dengan Urece sebab ubat-ubat ini akan mengurangkan kesan Urece.

- *Pyrazinamide* (ubat anti-jangkitan)
- Ubat yang mengandungi *Salicylates* seperti aspirin

## Cara menggunakan Urece

### - Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Rujuk dengan doktor anda jika anda tidak pasti.

Secara umum, untuk orang dewasa, mulakan dengan 0.5mg, sekali sehari. Dos boleh ditingkatkan secara beransur-ansur mengikut tahap asid urik darah anda. Dos penyelenggaraan biasa ialah 2mg, sekali sehari. Dos boleh diselaraskan mengikut keadaan anda. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh melebihi 4mg, sekali sehari. Urece boleh diambil sebelum atau selepas makan.

### - Bila perlu digunakan

- Gunakan hanya seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mulakan URECE semasa anda sedang mengalami serangan gout. Ia boleh menyebabkan kesakitan menjadi lebih teruk. Tunggu sehingga serangan gout reda.

### - Berapa lama perlu digunakan

- Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Jika serangan gout berlaku semasa anda sudah mengambil URECE, teruskan pengambilannya. Doktor anda mungkin akan memberikan ubat penahan sakit untuk menguruskan serangan tersebut.

- Oleh kerana gangguan hati yang serius telah dilaporkan dengan ubat-ubatan yang mempunyai mekanisme tindakan yang serupa dengan URECE, doktor anda akan memantau fungsi hati anda secara berkala semasa anda mengambil URECE.

### - Jika terlupa menggunakannya

Tunggu sehingga dos seterusnya untuk mengambil ubat. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tidak diambil.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera dan bawa pek Urece.

## Semasa menggunakan Urece

### - Perkara yang perlu dilakukan

Jangan berhenti mengambil Urece tanpa berbincang dengan doktor anda.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan lebih lanjut tentang penggunaan ubat ini, tanyakan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

## Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan berikut juga mungkin berlaku. Oleh itu, pesakit harus dipantau dengan teliti dan jika terdapat sebarang penemuan yang tidak normal, dapatkan nasihat doktor untuk langkah yang sewajarnya.

Biasa (*Common*):

- Radang sendi, ketidakselesan pada anggota badan

Tidak biasa (*uncommon*)

- Najis lembut, sakit sendi, penyakit batu karang, peningkatan pemendapan kalsium di buah pinggang, peningkatan  $\beta_2$ -mikroglobulin dalam air kencing, protein dalam air kencing, peningkatan enzim hati.

Kekerapan tidak diketahui (*frequency unknown*):

- Loya, cirit-birit, peningkatan enzim hati, ruam, kegatalan kulit, ketidakselesaan umum.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers*

# URECE<sup>®</sup> Tablets

Dotinurad 0.5mg, 1mg, 2mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna  
(RiMUP)

→ *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

Bora Pharmaceuticals Co., Ltd.,  
No.54, Gong-Yeh W. Rd., Guan-Tyan  
District, Tainan City, Taiwan

## Cara penyimpanan dan pelupusan Urece

### - Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 30°C.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Eisai (Malaysia) Sdn. Bhd.,  
Unit 701D, Level 7, Tower D, Uptown  
5,  
No. 5, Jalan SS21/39, Damansara  
Uptown,  
47400 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

27/05/2025

## Nombor Siri

NPRA (R1)24/046

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Urece 0.5mg ialah tablet berwarna putih hingga putih kekuningan dengan "FY321" di sebelah depan dan "0.5" di belakang.

Urece 1mg ialah tablet putih ke putih kekuningan, dinyahbos dengan "1" di sebelah belakang, "FY" dan "322" dibahagikan dengan garis skor di sebelah depan.

Urece 2mg ialah tablet merah yang sangat pucat, dinyahbos dengan "2" di sebelah belakang, "FY" dan "323" dibahagikan dengan garis skor di sebelah depan.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- *Dotinurad*

- Eksipien

- *Lactose hydrate*
- *D-Mannitol*
- *Microcrystalline cellulose*
- *Hypromellose*
- *Carmellose*
- *Magnesium stearate - sumber daripada tumbuhan dan haiwan (lembu dan babi).*
- *Red ferric oxide (Urece 2mg sahaja)*

### - Nombor MAL

## Pengilang

FUJI YAKUHIN CO., LTD.

Toyama Plant

682, Fuchuu-Machi Itakura, Toyama-Shi, Toyama, Japan

## Pembungkus